

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini menjelaskan secara mendalam dan meluas tentang isu-isu dan persoalan yang berkait dengan penyeliaan kaunseling, khususnya berhubung dengan penyeliaan praktikum Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah (GBKSR). Perbincangan bab ini berfokus kepada tujuh aspek iaitu: (1) konsep penyeliaan, (2) kepentingan praktikum, (3) scenario aktiviti penyeliaan dalam bidang kaunseling, (4) teori dan model-model dalam penyeliaan kaunseling, (5) jenis-jenis penyeliaan, (6) penyeliaan berkesan, dan (7) kajian mengenai penyeliaan kaunseling sekolah dan penyeliaan kaunselor sekolah.

Aspek-aspek tersebut sangat relevan dengan kajian ini kerana ia memberi suatu gambaran tentang penyeliaan praktikum dalam bidang kaunseling. Kefahaman terhadap perkara ini adalah penting kerana ianya dapat memberi gambaran sebenar tentang proses dan bentuk amalan penyeliaan praktikum GBKSR. Tinjauan literatur dalam dan luar negara mendapati penggunaan istilah kaunselor sekolah adalah popular. Sebaliknya istilah GBKSR tidak kelihatan. Dalam konteks kajian ini, istilah kaunselor sekolah membawa maksud dan pengertian sama dengan GBKSR. Oleh itu kaunselor sekolah dirujuk sebagai GBKSR dan begitu juga sebaliknya GBKSR merujuk kepada kaunselor sekolah.

### 2.1.1 Konsep penyeliaan

Umumnya penyeliaan merujuk kepada suatu proses yang menyediakan perkembangan profesional untuk orang baru dalam sesuatu profesi. Melalui proses penyeliaan, pelatih dibiasakan dengan budaya profesional di mana mereka akan belajar tentang sikap, nilai-nilai dan strategi penyelesaian masalah yang berlaku dalam profesi tertentu (Katrina, 2008). Menurut Dollarhide dan Miller (2006), melalui pembiasaan ini pelatih membangun identiti profesional mereka. Proses penyeliaan digunakan dalam pelbagai profesi seperti psikologi klinikal, kejururawatan, psikologi sekolah dan pengajaran. Profesi tersebut mempunyai persamaan dengan profesi kaunseling kerana melibatkan proses penyeliaan di mana kemahiran-kemahiran tertentu digunakan, dan teori serta amalan diintegrasikan bersama penerokaan identiti profesional pelatih sebagai persediaan memasuki profesi mereka (Dollarhide & Miller, 2006).

Dalam konteks perkhidmatan kaunseling, amalan penyeliaan merupakan komponen yang penting kerana ianya bertujuan untuk melindungi dan menjaga kebajikan klien. Ini sejajar dengan pandangan Bernard dan Goodyear (2004) yang menyatakan bahawa melalui proses penyeliaan ahli-ahli dalam profesi menolong memantau kebajikan klien, menentukan standard profesional dan bertindak sebagai penjaga pintu kepada profesi.

Umumnya definisi penyeliaan terawal yang diterima ialah definisi yang diperkenalkan oleh Loganbill, Hardy dan Selworth (1982, hlm. 4) sebagai “*an intensive, interpersonally focused relationship in which a person is designated to facilitate the development of therapeutic competence in the other person.*“

Dalam konteks kajian ini konsep penyeliaan merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan perundingan antara pensyarah-penyelia dengan yang diselia mengenai aspek-aspek yang diselia sepanjang tempoh praktikum.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan dua perkara. Pertama, penyeliaan merupakan keperluan utama dalam bidang-bidang profesional dan wajib dilalui oleh seseorang pengamal satu-satu profesi. Kedua, penyeliaan adalah satu proses yang bertujuan untuk membangunkan perkembangan personal dan profesional seseorang pelatih dalam sesuatu bidang.

### 2.1.2 Kepentingan praktikum

Praktikum boleh dimaksudkan sebagai pengalaman seseorang kaunselor pelatih menjalankan perkara-perkara yang berkaitan seperti sesi kaunseling dengan klien sebenar dan aktiviti pengurusan dalam *setting* praktikum tertentu. Sesi ini berjalan dengan diselia oleh seorang atau lebih penyelia profesional dan bertauliah. Oleh itu aktiviti ini memberi banyak faedah kepada kaunselor pelatih. Ini kerana kaunselor pelatih berpeluang menjalankan pelbagai aktiviti dalam jangka masa 12 minggu. Ciri utama dalam *setting* praktikum ialah keupayaannya memberikan pengalaman profesional, serta perakuan jabatan atau universiti (Pitts, 1992).

Praktikum juga bermakna proses penyeliaan klinikal dengan tujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan profesional (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Dan Latihan. Lembaga

Kaunselor Malaysia (LKM), 2003). Amla (2001) menjelaskan bahawa kepentingan praktikum dalam latihan kaunseling dilihat sebagai peluang membolehkan pelatih-pelatih mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bilik-bilik kuliah dengan klien sebenar di bawah bimbingan dan penyeliaan kaunselor terlatih.

Demikian juga pendapat yang diberikan oleh Salleh (1998) dan Ruhani (2006), bahawa pengalaman menjalani latihan praktikum telah memberi pelatih kefahaman mendalam berhubung dengan jenis-jenis permasalahan serta pertolongan yang diperlukan oleh klien masing-masing. Pelatih juga memperoleh suatu kekuatan dan semangat baru dalam membuat persediaan menjadi seorang kaunselor profesional. Ini selaras dengan kata-kata Romans, Boswell, Carlozzi, dan Ferguson (1995) yang menjelaskan bahawa praktikum merupakan satu cara membantu kaunselor pelatih membina kecekapan serta keyakinan diri dengan lebih berkesan. Kepentingan menjalani praktikum turut dinyatakan oleh Mohd Mansur dan Siti Nordinar (1996). Menurut mereka, latihan amali merupakan bentuk pengetahuan teknik dan asas strategi untuk menghadapi atau berhadapan dengan masalah sebenar apabila keluar sebagai seorang kaunselor, dan ia perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Daripada pandangan pelbagai tokoh tentang kepentingan latihan praktikum kepada kaunselor, dapat dirumuskan bahawa terdapat banyak manfaat daripada program latihan praktikum yang diikuti oleh seseorang kaunselor pelatih. Kesimpulan tentang manfaat praktikum ini dikukuhkan lagi dengan pandangan Stoltenberg (2005) yang menjelaskan bahawa proses penyeliaan penting untuk membangunkan kompetensi kaunselor. Antara

kompetensinya adalah pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan selari dengan tahap perkembangan latihan profesional pada tahap yang berbeza-beza (Kaslow, 2004).

Sepanjang tempoh latihan praktikum, seseorang kaunselor dikehendaki menyiapkan laporan lengkap tentang proses praktikum tersebut. Laporan ini meliputi aspek pelaksanaan aktiviti dan perkhidmatan yang dijalankan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Ini termasuklah kaunseling individu, kaunseling kelompok, penulisan jurnal, log harian, khidmat konsultasi dan bimbingan, penyelidikan dan penganjuran aktiviti-aktiviti berbentuk pencegahan, pemulihan dan perkembangan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa latihan praktikum penting kepada seseorang bakal kaunselor. Ini kerana semasa menjalani tempoh praktikum kaunselor pelatih memperoleh pelbagai kemahiran secara *hands-on* berdasarkan apa yang mereka pelajari di dalam kelas. Dalam konteks latihan praktikum GBKSR, guru pelatih juga melakukan pelbagai aktiviti iaitu memberi perkhidmatan bimbingan atau kaunseling individu dan kelompok, menulis jurnal, membuat log harian, memberi khidmat perundingan kepada murid-murid dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan akademik, sahsiah dan kepimpinan murid. Aktiviti-aktiviti ini sudah tentu membantu memperkembangkan ciri-ciri personal dan profesional GBKSR.

### 2.1.3 Amalan praktikum

Akta Kaunselor yang diwartakan pada tahun 1998 menjadi tonggak kepada usaha meningkatkan taraf profesionalisme dan kepiawaian profesion kaunseling di Malaysia

(Amla, 2001). Sekaligus ianya akan melenyapkan krisis identiti kaunselor yang menjadi isu profesi ini sejak dua dekad yang lalu (Abd. Halim, 2001). Dalam aspek ini Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) telah mengambil langkah mengkaji amalan latihan kaunseling yang diamalkan di pusat-pusat pengajian tinggi awam di negara Malaysia (Amla, 2001). Latihan praktikum memberi pendedahan kepada aktiviti yang pelbagai seperti bidang akademik, kerjaya, psikososial, kesejahteraan mental dan keibubapaan. Pengisian aktiviti latihan praktikum perlu terbuka dan meluas merangkumi khidmat secara langsung seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan kaunseling keluarga. Khidmat tidak langsung pula melibatkan aktiviti-aktiviti sokongan seperti pengurusan dan penilaian, laporan, ulasan, dan perolehan khidmat nasihat pakar (Lopez & Edwardson, 1996).

Menurut Amla (2001) lagi dalam kajiannya, tidak banyak perbezaan aktiviti dalam pelaksanaan latihan praktikum kaunseling di Malaysia berbanding dengan di barat. Beliau merumuskan bahawa rangkuman aktiviti-aktiviti praktikum di institusi-institusi pendidikan tinggi awam Malaysia termasuklah merancang dan mengendalikan program bimbingan dan kaunseling, merekod aktiviti harian, menyediakan sesi kaunseling yang dirakam dan menulis sebuah laporan praktikum.

Cottle dalam Fozilah (2001) menyatakan bahawa praktikum memberikan peluang kepada kaunselor pelatih untuk berlatih di bawah penyeliaan pakar sebelum pelatih memulakan karier sebagai seorang kaunselor. Pengertian praktikum yang diberikannya selaras dengan maksud praktikum yang diberikan oleh *Council for the Accreditation of Counseling and Related Educational Programs* (CACREP) iaitu satu badan pengiktirafan profesional yang

mengiktiraf latihan kaunselor serta institusi yang menawarkan program kaunseling di Amerika Syarikat.

Di Amerika Syarikat, latihan praktikum dan *internship* akan melayakkan seseorang kaunselor untuk mendapatkan lesen dan pengiktirafan. Kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh di bilik-bilik kuliah tidak memadai bagi seseorang pelajar untuk bertindak sebagai seorang kaunselor berwibawa. Oleh itu seseorang kaunselor memerlukan bimbingan melalui penyeliaan secara individu dan kumpulan (Fozilah, 2001).

LKM telah ditubuhkan sebagai satu badan yang bertindak mendaftar dan memberi perakuan amalan atau lesen kepada kaunselor untuk meluaskan perkhidmatan ini supaya ianya bersifat profesional. Ia ditubuhkan mengikut Akta 580 (Akta Kaunselor 1998), dan berfungsi sebagai badan bertanggungjawab mengawal selia latihan kaunselor di Malaysia (Abd. Halim, Md. Shuib, & Sapora, 2000). Oleh yang demikian, amalan latihan praktikum menjadi satu keperluan untuk mengiktiraf kaunselor khasnya dan meningkatkan taraf profesionalisme profesion kaunseling amnya.

Dalam konteks latihan praktikum GBKSR ianya mempunyai perbezaan jika dibandingkan dengan tujuan latihan praktikum seperti dinyatakan dalam perbincangan di atas. Kaunselor pelatih yang mengikuti latihan praktikum seperti yang disyaratkan oleh LKM untuk mendapatkan lesen sebagai kaunselor bertauliah, namun dalam konteks GBKSR tujuan latihan praktikum adalah untuk melayakkan mereka menjadi GBKSR yang mempunyai kelayakan iktisas dalam bidang perguruan. Pada akhir kursus GBKSR akan dianugerahkan diploma pendidikan yang membolehkan mereka menjadi seorang guru yang bertauliah.

Latihan praktikum GBKSR bukan untuk mendapat lesen sebagai kaunselor dari LKM. Sebaliknya ada dalam kalangan GBKSR yang telah pun berdaftar dengan LKM selepas mereka mendapatkan ijazah sarjana muda kaunseling iaitu sebelum memasuki IPG sebagai guru pelatih KPLI.

#### 2.1.4 Tujuan penyeliaan dalam kaunseling

Umumnya penyeliaan kaunselor mempunyai tiga tujuan utama, iaitu (1) memperkembangkan ciri-ciri personal dan perkembangan profesional kaunselor, (2) meningkatkan kecekapan kaunselor, dan (3) meningkatkan rasa kebertanggungjawaban dalam menyediakan program (Bradley, 1989). Manakala Bernard dan Goodyear (2004) menjelaskan bahawa penyeliaan mempunyai dua tujuan, iaitu: (1) mempercepatkan perkembangan profesionalisme kaunselor dan (2) memastikan kebijakan para klien.

Demikian juga pendapat yang hampir sama diutarakan oleh Sylinda (2003) yang menyatakan bahawa penyeliaan yang diberikan kepada kaunselor boleh membantu memperkembangkan pengetahuan profesional secara berterusan. Berasaskan kepada tujuan penyeliaan yang dijelaskan di atas dapat dirumuskan bahawa fungsi penyeliaan kaunseling termasuklah memberi sokongan, khidmat konsultasi, kaunseling, arahan dan latihan dan penilaian kepada para kaunselor (Bradley & Ladany, 2001).

Dalam konteks penyeliaan praktikum GBKSR, fungsi penyeliaan mempunyai tujuan yang hampir sama dengan huraian di atas. Namun yang berbeza ialah dari segi kumpulan sasar. Ini kerana GBKSR menjalankan perkhidmatan kepada kumpulan murid yang berada di

sekolah rendah iaitu dalam lingkungan umur antara enam hingga dua belas tahun. Hal ini menjadikan tujuan penyeliaan GBKSR mempunyai ciri-ciri tersendiri kerana GBKSR adalah seorang guru yang bertindak sebagai penyedia perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara sepenuh masa.

### 2.1. 5 Senario aktiviti penyeliaan kaunselor

Peranan kaunselor sekolah telah banyak melalui perubahan dalam masa 100 tahun kebelakangan ini. Umumnya, profesion kaunseling di sekolah merupakan sesuatu yang baru, tetapi peranan kaunselor sekolah telah mula dikesan sejak tahun 1880 lagi (Sylinda, 2003). Sepanjang sejarah kewujudannya aktiviti penyeliaan kaunselor telah mengalami pelbagai transformasi. Perubahan masa menyaksikan perubahan pada aspek fokus dan keutamaan penyeliaan. Walau bagaimanapun matlamat asalnya tidak berubah iaitu untuk membantu kaunselor menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada klien (Asheim, 2007).

Penyeliaan kaunselor bermula antara tahun 1925 dan 1930 dengan pengenalan teori psikoanalitik (Leddick & Bernard, 1980). Kesannya, proses penyeliaan benar-benar sama dengan proses psikoterapi itu sendiri (Stoltenberg & Delworth, 1987). Penyelia menjalankan tugas atau tanggungjawab membimbing dan memberi arahan dalam proses penyeliaan psikoterapi (Leddick & Bernard, 1980). Fokus utama sesi penyeliaan ialah proses meneroka intra dan interpersonal sebagai satu fungsi hubungan terapeutik (Davy, 2002). Dalam konteks ini para penyelia memberi perhatian terhadap peranan proses perhubungan interaksi dan tidak disedari oleh kaunselor semasa berinteraksi dengan klien

(Casmet, 1985). Kebanyakan penyelidik berjaya menyumbang ke arah mengurangkan kekeliruan peranan dan fungsi seseorang penyelia di peringkat permulaan timbulnya aktiviti penyeliaan ini (Carroll, 1996; Yegdich, 1999).

Dalam tahun 1950-an fokus penyeliaan berubah secara drastik daripada menyokong kepada perasaan psikoanalisis (Davy, 2002). Pada masa ini, perkembangan aktiviti penyeliaan dilihat bersepada dengan teori dan model amalan terapeutik (Freeman & McHenry, 1996). Sebahagian daripada model penyeliaan ini adalah sejajar dengan teori-teori utama kaunseling (Friedlander, Siegel, & Brenock, 1989). Penekanan bidang penyeliaan berubah daripada analisis kepada perkembangan latihan kemahiran dan perkembangan profesional (Holloway, 1995; Truax & Carkhuff, 2007).

Pada tahun 1970-an pula berlaku gelombang perubahan dalam penyeliaan kaunseling. Perubahan ini membawa bersama kerangka teori dan praktikal yang memberi penekanan kepada tugas, peranan dan tahap perkembangan profesionalisme kaunselor (Carroll, 1996). Semenjak tahun-tahun 1970-an para pengkaji telah semakin banyak menyuarakan isu mengenai penyeliaan kaunselor sekolah (Barret & Schmidt, 1986; Henderson, 1994; Robert & Borders, 1994 ).

Dalam tahun antara 1970-an dan 1980-an pula, berlaku perubahan dalam aktiviti penyeliaan kaunselor dengan kemunculan teori dan kerangka penyeliaan yang memberi tumpuan kepada tugas, peranan, latihan dan tahap perkembangan penting dalam perkembangan profesionalisme kaunselor (Caroll, 1996). Dalam tahun-tahun tersebut beberapa model

perkembangan penyeliaan telah diperkenalkan seperti Model Kompleksiti (Watkins, 1997). dan Model Perkembangan Bersepada (Stoltenberg & Delworth, 1987). Model ini diberi tumpuan dalam kajian literatur. Seterusnya Model Peranan Sosial turut disentuh dalam kajian literatur (Kadushin, 1985). Peranan utama model-model ini adalah untuk menjelaskan peranan dan fungsi penyeliaan (Asheim, 2007). Model Diskriminasi Bernard (1979) menjelaskan tiga peranan utama penyelia dalam hubungan dengan kaunselor pelatih. Tiga peranan itu ialah; (1) pendekatan guru-murid, (2) pendekatan kaunselor-klien, dan (3) pendekatan konsultasi yang berasaskan model pembinaan kemahiran pra-praktikum.

Pada tahun-tahun 1980-an pula, aktiviti akademik para sarjana berkisar pada amalan dan teori penyeliaan klinikal. Hal ini terbukti apabila *The Counseling Psychologist* telah menerbitkan dua isu yang memberi fokus kepada penyeliaan kaunselor (Asheim, 2007). Teori-teori perkembangan telah muncul dalam bidang penyeliaan klinikal (Freeman & McHenry, 1996). Para pengkaji telah menyemak dan memerhati dengan teliti teori-teori ini (Holloway & Acker, 1998) dan perdebatan dalam kalangan sarjana mengenai beberapa teori boleh didapati dalam beberapa penerbitan seperti *Profesional Psychology: Research and Practice* (1987). Sehubungan dengan itu, *Assocation for Counselor Educators and Supervisor* (ACES) telah mewujudkan satu program untuk mengenal pasti teras kecekapan penyelia kaunselor (Borders, 1989).

Seterusnya tahun 1990-an pula menunjukkan perbezaan pandangan para sarjana; pengkaji mengalih fokus mereka kepada menyelidik struktur proses menyelia, iaitu perkara yang

berkaitan dengan hubungan dan keberkesanan amalan penyeliaan (Bernard & Goodyear, 1998; Holloway & Caroll 1996). Ini merupakan fokus tambahan terhadap kewujudan dan penerimaan penyeliaan kaunselor sebagai suatu profesi yang istimewa (Dye & Borders, 1990). Seterusnya penyelia dan pendidik kaunselor telah mengalih perhatian kepada kepentingan amalan budaya kaunseling dan penyeliaan kaunselor (Ivery & Simek-Morgan, 1997). Daniels, Andera dan Kim (1999) telah menyiapkan satu kajian kes yang mengkaji kesan penyeliaan silang budaya dengan seorang penyelia yang gagal untuk berbincang tentang perbezaan budaya dalam penyeliaan secara berkumpulan.

Manakala dalam tahun-tahun 2000, berlaku trend ke arah menerima penyeliaan sebagai suatu profesi berterusan (Asheim, 2007). Magnuson, Norem, dan Wilcoxon (2000) menjelaskan bahawa penyeliaan dalam abad ini telah berkembang pesat. Mereka telah mempelopori jurnal-jurnal sarjana seperti *Counselor Education and Supervision* dan *The Clinical Supervisor* sebagai sumber utama kepada mereka yang mempraktikkan amalan penyeliaan.

Usaha untuk membudaya, memprofesional serta mempiawaikan amalan penyeliaan dilakukan melalui penerbitan buku panduan penyeliaan (Borders & Brown, 2005). Pada tahun-tahun ini perbahasan berterusan para sarjana dalam budaya penyeliaan kaunselor (Davy, 2002; Powell, 2004) telah kelihatan. Dalam abad-abad terakhir ini, penyeliaan kaunselor terbina dalam satu bidang pengajian yang unik, lengkap dan tersendiri serta menerima pentaulahan kebangsaan (Borders & Brown, 2005). Walaupun bidang

penyeliaan ini berkembang pesat beberapa dekad terakhir, namun amalannya masih perlu penambahbaikan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa aktiviti penyeliaan kaunselor melalui tempoh sejarah yang panjang. Ianya bermula dengan pengaruh teori kaunseling dalam penyeliaan, kemudian berubah kepada penekanan terhadap tugas dan peranan penyelia, seterusnya fokus penyeliaan beralih kepada struktur proses penyeliaan. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam aspek penyeliaan ini menggambarkan bahawa penyeliaan dalam kaunseling itu sendiri merupakan sesuatu yang dinamik mengikut peredaran masa. Sehingga kinipun penyeliaan memerlukan penamaian sepanjang masa. Penyeliaan praktikum GBKSR adalah sebahagian daripada penyumbang kepada perkembangan ilmu penyeliaan dalam bidang kaunseling khususnya penyeliaan kaunseling di sekolah-sekolah di Malaysia.

## 2.2 Jenis-Jenis Penyeliaan

Hasil daripada tinjauan literatur yang dibuat didapati penyeliaan latihan praktikum kaunseling dapat dikategori kepada tiga jenis. Tiga kategori tersebut ialah (1) penyeliaan pentadbiran, (2) penyeliaan program dan (3) penyeliaan klinikal.

### 2.2.1 Penyeliaan pentadbiran

Mengikut Gysbers dan Henderson (1998), matlamat penyeliaan pentadbiran adalah untuk mewujudkan kecekapan dalam melaksanakan tugas-tugas kaunseling di sesebuah

organisasi. Kaunselor sekolah seharusnya mampu melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan dalam hal yang berkaitan dengan perkembangan diri pelajar, situasi sekolah, intervensi dan sesuatu yang berkait dengan sesuatu dasar dan piawai yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan. Melalui latihan dan pengalaman yang diperoleh secara berterusan, pembentukan keputusan secara profesional dan berkualiti dalam kalangan kaunselor dapat ditingkatkan (Gysbers & Henderson, 1998). Mereka seterusnya menjelaskan bahawa tujuan utama penyeliaan pentadbiran adalah untuk memastikan kaunselor mengamalkan rutin dan tabiat kerja yang cemerlang selaras dengan undang-undang, dasar-dasar dan piawai, seterusnya menjalin hubungan baik dengan kakitangan sekolah, ibu bapa dan lain-lain aktiviti dalam sistem sekolah yang berkesan.

Seterusnya Gysbers dan Henderson (1998) menjelaskan bahawa pelaksanaan penyeliaan pentadbiran juga berasaskan sesuatu panduan dalam melaksanakan kerja-kerja profesional kaunselor. Pelaksanaan kerja-kerja profesional kaunselor ini dibantu oleh penyediaan jadual kerja, sistem penyimpanan rekod dan dokumentasi dan sistem sokongan yang diwujudkan oleh pihak pentadbiran. Dalam konteks yang hampir sama Henderson (1994) turut menjelaskan bahawa penyeliaan pentadbiran memberi fokus terhadap tugas-tugas atau peranan khusus seperti budaya kerja yang patut dilakukan, pematuhan terhadap keperluan sekolah, peraturan dan dasar, kolaborasi dan kebertanggungjawaban.

### 2.2.2 Penyeliaan program

Mengikut Hederson (1999), penyeliaan program membolehkan kaunselor memperkembangkan pengetahuan dalam melaksanakan program-program bimbingan di

sekolah-sekolah. Tujuan penyeliaan program ini adalah untuk memastikan semua kaunselor sekolah melaksanakan program bimbingan ke arah melahirkan pelajar cemerlang dalam pelbagai aspek. Selain itu penyeliaan program juga penting untuk membantu kaunselor melaksanakan aktiviti pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan sesuatu program yang berasaskan matlamat kurikulum. Rumusannya, penyeliaan program memberi fokus terhadap pembangunan program atau aktiviti, membantu mencapai tahap perkembangan profesional, dan membantu kaunselor pelatih memupuk kesedaran terhadap isu-isu etika dan perundangan yang berkaitan dengan perkaitan kaunseling yang bakal diadakan.

Mengikut Sears dan Coy (1991), penyeliaan program melibatkan komponen *content* dan proses. Komponen *content* merujuk kepada rasional sesuatu program diadakan dan semestinya program-progaram atau aktiviti yang dilaksanakan adalah program yang terbaik selari dengan hasrat sesuatu kurikulum. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti pembangunan insan pelajar yang merangkumi aspek peningkatan kompetensi dalam bidang psikososial, interpersonal dan intrapersonal, pendidikan dan perkembangan kerjaya.

Manakala komponen proses merangkumi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bertujuan untuk membantu meningkatkan pencapaian kompetensi khusus pelajar. Kaunselor pelajar melaksanakan program khusus bagi mencapai matlamat ini melalui sesi kaunseling individu dan kelompok, bimbingan dalam bilik darjah dan khidmat perundingan atau konsultasi. Selain itu, ia juga melibatkan kaedah untuk menilai keberkesanan sesuatu program pelajar. Schmidt (1990) menjelaskan bahawa penyeliaan yang sesuai ke atas seseorang kaunselor boleh membantu meningkatkan tahap kefahaman misi sekolah.

### 2.2.3 Penyeliaan klinikal

Matlamat penyeliaan klinikal adalah untuk melihat tahap kemahiran klinikal profesional yang boleh digunakan oleh seseorang kaunselor dalam sesi kaunseling. Dunn (1998) mendefinisikan penyeliaan klinikal sebagai penghubung antara apa yang dipelajari oleh kaunselor sewaktu memperoleh ijazah dalam bidang kaunseling dengan penggunaan kemahiran sebenar semasa mengadakan sesi kaunseling dengan klien.

Tujuan penyeliaan klinikal adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan teknikal yang diperlukan dalam menyediakan perkhidmatan bimbingan, kaunseling, perundingan, carian dan penyelarasan sumber (Gybers & Henderson, 1998). Penyeliaan melibatkan proses interaksi dua pihak antara seorang kaunselor dengan klien. Dalam perhubungan ini, kaunselor berada dalam ketenangan, empati, penuh kredibiliti dan berkemahiran. Kaunselor menampilkan ciri-ciri dan nilai-nilai positif, menjadi sumber inspirasi keyakinan klien dan menggalakkan klien membina sikap bebas dan berdikari. Sesi kaunseling adalah berbentuk kolaboratif dan memberi fokus kepada pembentangan permasalahan klien (Sexton & Whiston, 1991).

Seterusnya mengikut Henderson (1994), penyeliaan dalam aspek klinikal juga memberi tumpuan terhadap kerangka kerja psikologikal, membantu perkembangan profesional kaunselor dalam aspek sikap, kemahiran dan pengetahuan dan juga meningkatkan kefungsian etika kaunselor, menyediakan perkhidmatan berkualiti, mendapatkan maklumat tentang kes-kes yang sukar dan membuat penilaian kemajuan klien.

Seseorang kaunselor pelatih yang menerima penyeliaan bagi ketiga-tiga aspek di atas akan melayakkan mereka menjadi kaunselor sekolah yang profesional. Ini kerana selepas kaunselor sekolah menerima penyeliaan dalam aspek-aspek tersebut akan membolehkan mereka masuk dalam profesion kaunselor sekolah (Nelson & Johnson, 1999; Roberts & Border, 1994).


Roberts dan Borders (1994) telah mengendalikan satu kajian untuk melihat amalan penyeliaan kaunselor sekolah. Peserta kajiannya adalah ahli Persatuan Kaunselor Sekolah Carolina Utara. Beliau telah mengedar soal selidik melalui e-mel kepada 450 ahli dan menerima sebanyak 163 jawapan yang mewakili 37.3% responden. Soal selidik tersebut mengandungi tiga bahagian iaitu (1) maklumat demografi, (2) huraihan tentang penyeliaan yang diterima oleh responden dan (3) huraihan tentang penyeliaan yang disukai oleh kaunselor sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa; (1) penyeliaan pentadbiran yang diterima sebanyak 85% manakala yang meminati penyeliaan tersebut 59%, (2) penyeliaan program yang diterima sebanyak 70% sebaliknya mereka meminati penyeliaan tersebut sebanyak 85% dan (3) mereka yang menerima penyeliaan klinikal sebanyak 37% berbanding dengan yang meminati penyeliaan tersebut 79%. Dapatan kajian ini menunjukkan satu perbezaan yang nyata antara penyeliaan yang sebenar berlaku dengan penyeliaan yang diperlukan oleh kaunselor. Dapatan kajian menunjukkan kaunselor sekolah menerima penyeliaan klinikal yang paling kurang iaitu sebanyak 42% (79%-37%) berbanding dengan penyeliaan program sebanyak 15% (85%-70%). Sebaliknya kaunselor sekolah menerima lebih penyeliaan dalam aspek pentadbiran sebanyak 7% (59%-85%). Ini menggambarkan bahawa kaunselor sekolah dahagakan penyeliaan dalam dua aspek utama iaitu penyeliaan klinikal dan program.

Kajian yang hampir sama dilakukan oleh Page, Pietrzak, dan Sutton (2001). Mereka telah mengendalikan satu kajian tinjauan ke atas 267 ahli Persatuan Kaunseling Sekolah Amerika (ASCA) untuk mendapat maklumat tentang penyeliaan kaunseling yang diterima oleh kaunselor sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa 13% sahaja kaunselor sekolah yang menerima penyeliaan klinikal. Dapatan kajian ini telah menyokong hasil kajian Roberts dan Borders (1994) yang mendapati bahawa penyeliaan klinikal merupakan suatu pendekatan yang disukai oleh kaunselor sekolah namun ianya diselia dalam suasana yang terhad. Bahagian berikutnya dibincangkan secara terperinci mengenai teori dan model penyeliaan dalam kaunseling.

### 2.3 Teori Dan Model Penyeliaan Kaunseling

Sorotan kajian mendapati bahawa penulis-penulis dalam bidang kaunseling, khususnya dalam aspek berkaitan dengan penyeliaan, menggunakan konsep model bukannya teori dalam membincangkan isu-isu penyeliaan dalam bidang kaunseling. Penggunaan perkataan model penyeliaan semasa membahaskan isu penyeliaan ini adalah disebabkan oleh ketidakpenuhi syarat untuk menyatakan sebagai teori penyeliaan. Mengikut Patterson (1986) terdapat lima kriteria untuk menilai sesuatu teori iaitu: (1) ketepatan dan kejelasan, (2) bersifat mudah atau senang, (3) operasionaliti, (4) praktikal dan (5) komprehensif. Model-model penyeliaan yang ada hanya memenuhi sebahagian sahaja daripada kriteria di atas, justeru penyeliaan kaunseling dikenali sebagai model penyeliaan bukannya teori penyeliaan. Bradley dan Ladany (2001) telah mengenalpasti tiga model penyeliaan. Tiga

model tersebut ialah; (1) Model Perkembangan, (2) Model Psikoterapi dan (3) Model Peranan Sosial. Rajah 2.1 menunjukkan model-model penyeliaan.



Rajah 2.1. Kategori Model Penyeliaan.

Sumber: Model dan Pendekatan Penyeliaan Dalam Latihan Penyeliaan Kaunselor  
Oleh: Suradi Salim, 2007

### 2.3.1 Model-model penyeliaan

Berdasarkan sorotan kajian, terdapat tiga model penyeliaan iaitu; (1) model penyeliaan perkembangan, (2) model penyeliaan berasaskan teori kaunseling dan psikoterapi dan (3) model penyeliaan peranan sosial.

#### 2.3.1.1 Model Perkembangan Berintegrasи

Model Perkembangan Berintergrasi atau *Integrated Development Model* (IDM) dibangunkan oleh Stoltenberg, McNeill dan Delworth pada tahun 1998. Pembentukan model ini berasaskan 10 tahun penyelidikan dan penjelasan berhubung dengan tahap-tahap perkembangan yang diselia dan peranan penyelia yang selaras dengan tahap-tahap perkembangan yang diselia yang berbeza-beza (Haynes, Corey, & Moulton, 2003)

Pembentukan Model Perkembangan Berintegrasi berasaskan kepada andaian berikut: (1) kaunselor dan terapis dalam latihan iaitu kaunselor yang diselia, berkembang dan berubah kecuali jika mereka terdedah kepada persekitaran penyeliaan yang merosakkan, (2) perkembangan pelatih berlaku dalam beberapa tahap, (3) pelatih bergelut dengan perkara yang bersangkut paut dengan aspek tertentu seperti kecekapan dan identiti, dan (4) penyelia akan lebih berkesan dengan mempertimbangkan tahap perkembangan pelatih yang diselia dan kemudian menstrukturkan kaedah dan teknik penyeliaan yang sesuai (Suradi, 2007).

Mengikut Leddick (1994), model perkembangan penyeliaan adalah satu idea yang mementingkan perkembangan secara berterusan. Model penyeliaan jenis perkembangan ini merupakan model penyeliaan yang utama dikaji di negara Amerika Syarikat (Hawkins & Shohet, 1989). Model ini menganggap bahawa perkembangan yang diselia adalah berlaku sepanjang masa (Bradley & Ladany, 2001). Perkembangan penyeliaan dibahagi kepada tiga tahap iaitu (1) tahap permulaan, (2) pertengahan dan (3) pengakhiran. Perkembangan tahap-tahap ini adalah berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang diterima kaunselor pelatih sepanjang masa diselia.

Tahap permulaan lebih berbentuk membina interaksi antara penyelia dengan kaunselor yang diselia. Pada tahap ini dikatakan bahawa penyelia menilai kecekapan, latihan yang diterima dan memantau pengalaman pada peringkat awal. Matlamat tahap perkembangan awal ini adalah untuk mewujudkan hubungan dan kemesraan antara penyelia dengan kaunselor (Bradley & Ladany, 2001). Pada tahap ini juga, penyelia menggunakan peluang kekuatan dan kelemahan kaunselor dalam melaksanakan tanggungjawab dan kerja-kerja mereka, seterusnya penyelia menggunakan input yang diperoleh untuk membina matlamat

penyeliaan bersama-sama dengan kaunselor. Ini berlaku kerana kaunselor pada tahap ini tidak berpengalaman, berasa bimbang dan tidak selamat terhadap peranan dan kurang yakin dengan kebolehan diri sendiri. Pemerhatian secara langsung bersama dengan respon akan disampaikan oleh penyelia (Haynes et al., 2003). Kesannya diharapkan keyakinan dan kemahiran kaunselor semakin meningkat pada tahap-tahap yang seterusnya.

Tahap pertengahan model perkembangan merupakan tahap pertukaran daripada tahap kebergantungan (Bradley & Ladany, 2001). Pada tahap ini kaunselor mengkonseptualkan kes dan intervensi secara lebih bebas. Namun demikian maklum balas masih disediakan oleh penyelia, tetapi keputusan lebih banyak dibuat secara kolaboratif (Nelson & Johnson, 1999). Pada tahap ini rasa kebertanggungjawaban sudah mula berpindah kepada kaunselor. Secara langsung kaunselor telah mula menunjukkan tahap keyakinan dan autoriti yang tinggi dan sudah mula bersedia untuk menerima kehadiran klien.

Tahap akhir model perkembangan ini dikatakan berlaku apabila kaunselor sepenuhnya bersedia sebagai seorang yang profesional dalam melaksanakan tugasnya sebagai seorang kaunselor (Bradley & Ladany, 2001). Galakan dan sokongan disediakan oleh penyelia dan sesi penyeliaan menjadi satu persekitaran dan medan perkongsian untuk menyelesaikan masalah dan mengkonseptual suatu kes antara penyelia dengan kaunselor. Pada tahap ini kaunselor berkeyakinan tinggi dan berjaya menyesuaikan diri dengan klien. Kaunselor sudah bersedia untuk berkembang pada tahap seterusnya.

Ciri yang unik yang terdapat pada model IDM ini ialah konseptualisasi perkembangan kaunselor dari perspektif menegak dan mendatar (Cummins, 2009). Perkembangan

menegak adalah tahap-tahap perkembangan yang berbeza manakala perkembangan mendatar merujuk kepada perkembangan domain yang mesti dibangunkan oleh yang diselia.

#### *2.3.1.2 Model Loganbill, Hardy dan Delworth*

Mengikut Bernard dan Goodyear (2004), Loganbill dan rakan-rakan adalah yang pertama menerbitkan satu model komprehensif perkembangan kaunselor. Model ini mengandungi tiga tahap iaitu, tahap pemendapan, tahap kekeliruan dan tahap integrasi. Tahap pemendapan merujuk kepada keridaksedaran akan kekurangan atau kesukaran yang dihadapi oleh kaunselor pelatih.

Tahap kekeliruan merujuk kepada keadaan ketidakstabilan, tidak tersusun, adanya gangguan, kekeliruan dan konflik. Manakala tahap integrasi dicirikan oleh suatu tahap kefahaman kognitif yang baru, fleksibel dan berkeyakinan berasaskan kesedaran akan berlakunya proses pemantauan terhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan penyeliaan.

#### 2.3.2 Model penyeliaan berasaskan teori kaunseling dan psikoterapi

Model-model penyeliaan kaunseling yang dibina berasaskan teori kaunseling adalah Teori Pemusatian Perorangan dan Teori Perlakuan. Bahagian berikut memperincikan model-model penyeliaan yang berasaskan teori kaunseling.

### *2.3.2.1 Penyeliaan kaunseling berasaskan teori pemusatan perorangan*

Penyelia kaunseling yang mengaplikasi teori ini dalam sesi penyeliaannya memberi fokus terhadap ciri-ciri penting seperti empati, ketulenan, keredhaan dan kongruen. Dalam konteks penyeliaan yang menggunakan Teori Pemusatan Perorangan sebagai asas teori penyeliaan, seseorang penyelia menonjolkan ciri-ciri yang dinyatakan dalam membina hubungan dengan yang diselia. Di sini, penyelia akan memastikan wujudnya elemen empati di antara dirinya dengan yang diselia dan di antara kaunselor pelatih dengan kliennya. Dalam konteks ini, penyelia akan mewujudkan hubungan jelekit dengan yang diselia. Untuk tujuan ini unsur-unsur selain dari empati juga diperlihatkan sepanjang sesi penyeliaan. Antara elemen yang terdapat dalam teori Pemusatan Perorangan dan ditonjolkan oleh penyelia ialah ketulenan dan keredhaan dalam proses penyeliaan.

### *2.3.2.2 Penyeliaan kaunseling berasaskan teori perlakuan*

Pendekatan teori perlakuan dalam penyeliaan memberi penekanan kepada pembelajaran yang dialami oleh seseorang kaunselor pelatih. Teori ini menganggap bahawa masalah yang dialami oleh klien dalam proses kaunseling sebagai suatu masalah pembelajaran. Penyelia menjadi seorang pakar dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi pelatih dan akan membantu menyelesaikan masalah tersebut. Boyd (dalam Suradi, 2007), telah menggariskan empat prosedur untuk penyeliaan tingkah laku iaitu: (1) kecekapan kaunselor atau terapis merupakan satu fungsi kemahiran yang dipelajari dari kesesuaian personaliti. Tujuan penyeliaan adalah untuk mengajar tingkah laku yang sesuai dan menghapuskan tingkah laku yang tidak sesuai, (2) peranan kaunselor profesional atau terapis mengandungi

tugas yang dikenal pasti. Setiap satu memerlukan kemahiran yang spesifik. Latihan dan penyeliaan patut membantu pelatih untuk mengembangkan, mengaplikasikan dan mempertajamkan kemahiran ini, (3) kemahiran kaunseling atau terapi boleh didefinisikan dari segi tingkah laku dan adalah responsif kepada teori pembelajaran, sama seperti lain-lain tingkah laku; dan (4) penyeliaan perlu menggunakan prinsip pembelajaran dalam prosedurnya.

#### *2.3.2.3 Penyeliaan kaunseling berasaskan teori psikologi individu*

Aplikasi teori psikologi individu dalam penyeliaan kaunseling dicirikan oleh pandangan hidup keseluruhan yang menjadi pegangan pelatih. Ini kerana pandangan hidup yang menjadi pegangan seseorang kaunselor akan mempengaruhi persepsinya terhadap orang lain semasa menjalankan hubungan kaunselingnya. Justeru dalam sesi kaunseling yang dilakukan oleh seseorang pelatih dengan kliennya, aspek ini akan mempengaruhi persepsinya terhadap klien. Salah satu aspek yang penting dan diberi fokus dalam teori ini ialah tentang minat sosial yang menjadi pegangan seseorang.

Dalam melaksanakan proses penyeliaan menggunakan teori ini, seseorang penyelia melalui empat peringkat, iaitu (1) penerokaan; (2) keselarasan konseptualisasi kes dan teknik kaunseling; (3) pertumbuhan personal dan (4) penamatan. Jadual 2.1 menunjukkan peringkat-peringkat dalam model penyeliaan Kaunseling Teori Psikologi Individu.

## Jadual 2.1

### Model Penyeliaan Kaunseling Teori Psikologi Individu

---

Peringkat Pertama	Penerokaan
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kenal pasti dan faham minat sosial kaunselor pelatih</li><li>• Faham pergerakan rendah swadiri ke arah keunggulan</li><li>• Terap kemahiran asas kaunseling</li><li>• Semak rekod perancangan rawatan kes kaunseling</li></ul>
Kedua	Keselarasan konseptualisasi kes dan teknik kaunseling <ul style="list-style-type: none"><li>• Faham perkembangan kompetensi kaunseling kaunselor pelatih</li><li>• Keselarian teknik kaunseling dengan konseptualisasi kes kaunseling</li><li>• Terapan pelbagai teknik kaunseling</li></ul>
Ketiga	Pertumbuhan personal <ul style="list-style-type: none"><li>• Perbincangan tentang kekuatan dan kelemahan teknik kaunseling yang diterapkan</li><li>• Pemantauan adunan kemahiran asas kaunseling</li></ul>
Keempat	Penamatan <ul style="list-style-type: none"><li>• Teliti rekod kes kaunseling</li><li>• Pemantauan keakuruan kepada standard dan etika kaunseling</li></ul>

---

### 2.3.3 Model-Model Peranan Sosial

Selain daripada model yang dibincangkan di atas model peranan sosial juga merupakan model yang ditemui dalam sorotan literatur. Terdapat tiga jenis model yang tergolong dalam model peranan sosial. Model-model tersebut ialah (1) Model Diskriminasi Bernard, (2) Model Adaptasi Penyeliaan Dalam Latihan Kaunselor (ASICT) dan (3) Model Sistem Holloway.

### *2.3.3.1 Model Diskriminasi Bernard*

Model ini adalah suatu model yang unik. Ianya lebih berfokus kepada pemahaman konseptual, penguasaan kemahiran intervensi dan dinamika dalam dan luar yang berlaku dalam kaunseling dan penyeliaan (Duncan, 2003). Mengikut Bernard (2000), model ini lebih berfokus kepada tindakan kaunselor daripada realiti dalam seseorang kaunselor. Seterusnya beliau menyatakan bahawa matlamat model ini adalah untuk melahirkan lebih ramai kaunselor yang cekap dan berwibawa. Justeru mengikutnya lagi, model ini memberi tumpuan kepada kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang kaunselor. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah: (1) kemahiran proses, (2) kemahiran mengkonsepkan tema sesi, (3) kemahiran personalisasi dan (4) kemahiran tingkah laku profesional.

Kemahiran proses adalah strategi dan teknik yang digunakan dalam sesi kaunseling yang merangkumi kecekapan memulakan sesi, kemahiran mendengar, refleksi, penjelasan, konfrontasi, prafrasa, penjelasan masalah, rumusan dan komunikasi tanpa lisan (Bernard, 2000). Aspek ini semua merupakan elemen-elemen yang boleh diperhatikan oleh penyelia dalam sesi penyeliaan. Mengikut Bernard (1979) lagi apabila penyelia menilai mengikut perspektif model ini pelaksanaan kemahiran-kemahiran yang diyatakan di atas akan dinilai.

Kemahiran mengkonsepkan tema sesi merupakan kemahiran dan kemampuan kaunselor mereflek dan menganalisis kes menggunakan pemikiran semasa dan selepas pertemuan sesi. Termasuk dalam kemahiran ini ialah mengenal pasti mesej, tema dan perubahan yang diingini oleh klien. Sebenarnya kemahiran ini agak sukar diperhatikan oleh seseorang penyelia (Bradley & Ladany, 2001).

Kemahiran personalisasi merujuk kepada kesedaran dan penerimaan kaunselor terhadap perasaan, kepercayaan dan nilai klien dan juga kaunselor itu sendiri, termasuk juga keupayaan kaunseling yang dimiliki oleh kaunselor. Ini termasuklah kesediaan kaunselor untuk menerima maklum balas terhadap cabaran-cabaran yang diterima oleh seseorang kaunselor (Bernard, 1979).

Kemahiran tingkah laku profesional pula merujuk kepada perkembangan dan penampilan profesionalisme kaunselor semasa melaksanakan tugas sebagai seorang kaunselor. Ini termasuk aspek pakaian, persekitaran kerja dan integriti diri sebagai seorang profesional. Dalam soal etika ini seseorang kaunselor haruslah patuh kepada garis panduan dan etika yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor (Bernard, 2000).

Bernard (1979) menjelaskan bahawa bila penyeliaan dilakukan berdasarkan model ini, seseorang penyelia memainkan tiga peranan utama, iaitu: (1) peranan sebagai guru, (2) peranan sebagai kaunselor, dan (3) peranan sebagai konsultan. Dalam memainkan peranan sebagai seorang guru, penyelia membimbing dan memberi panduan dalam menentukan tindakan-tindakan kaunselor bagi menjamin ke arah kecekapan kaunselor itu sendiri (Bradley & Ladany, 2001). Dalam konteks ini perlakuan kaunselor menjadi tanggungjawab kepada penyelia. Penyelia harus memastikan kaunselor mempelajari kemahiran tertentu yang diperlukan.

Dalam menjalankan peranan sebagai kaunselor, penyelia membantu kaunselor memeriksa atau meninjau tindak balas personal dalam bentuk kesan yang diterima oleh seseorang kaunselor ke atas hubungan kaunselor-klien. Ini merupakan satu proses menilai bagaimana

pengalaman kaunselor sekarang dan kesannya ke atas kerja (Duncan, 2003). Penyelia seterusnya banyak berperanan sebagai pendorong ke arah mempertingkatkan nilai dan profesionalisme sebagai seorang kaunselor.


Manakala dalam menjalankan peranan sebagai seorang konsultan, penyelia banyak membantu kaunselor membincangkan tentang kaedah, model-model dan teknik yang mungkin digunakan dalam sesi kaunseling mereka. Ia merupakan satu seni untuk mewujudkan situasi pembelajaran yang merujuk kepada usaha memberitahu bagaimana untuk melakukan sesuatu perkara (Bernard, 1979).

Bradley, Gould, dan Parr (2001) menyatakan bahawa model ini mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Kekuatannya ialah ia boleh digunakan bersama dengan teori-teori dan teknik-teknik lain. Manakala satu kelemahan teori ini tiadanya satu teknik dan intervensi yang khusus dan ini mungkin sukar untuk digunakan oleh seseorang penyelia yang baru.

#### *2.3.3.2 Model Adaptasi Penyeliaan Dalam Latihan Kaunselor (ASIC)*

Model adaptasi penyeliaan dalam latihan kaunselor ini menyediakan penyelia berasaskan kepada empat gaya penyeliaan. Gaya-gaya penyeliaan ini bergantung kepada gaya tingkah laku yang berasaskan kepada matlamat untuk meningkatkan kesediaan kaunselor menjalankan tugas-tugas secara khusus dalam proses kaunseling keseluruhannya. Terdapat empat gaya penyeliaan yang dianjurkan oleh model ASICT iaitu (1) gaya sebagai pengarah

teknikal, (2) gaya sebagai mentor pengajar, (3) gaya sebagai mentor sokongan dan (4) gaya sebagai rakan kerjasama. Rajah 2.2 menunjukkan Model ASICT.



Rajah 2.2. Model Adaptasi Penyeliaan Dalam Latihan Kaunselor.

Perbezaan gaya-gaya penyeliaan ini bergantung kepada darjah sokongan dan arahan yang diberikan oleh penyelia kepada kaunselor dan ini pula bergantung kepada kesediaan kaunselor. Dalam amalan penyelia sebagai pengarah teknikal, penyelia lebih bersifat mengarah dan mengurangkan sokongan kepada kaunselor. Ini selaras dengan tahap kesediaan kaunselor yang kurang baik, kesan daripada kurang yakin diri, kurang pengalaman dan kemahiran. Justeru penyelia lebih banyak memain peranan memberi arahan kepada kaunselor. Lama kelamaan, kemahiran dan pengalaman kaunselor akan meningkat seterusnya meningkatkan tahap keyakinan kaunselor semasa menjalankan sesi. Pada tahap ini penyelia sudah mula mengalihkan peranannya sebagai mentor pengajar.

Manakala dalam menjayakan gaya mentor pengajar, penyelia memberi banyak arahan dan sokongan kepada kaunselor. Ini bertujuan mewujudkan keyakinan dan menambahkan pengalaman kepada kaunselor yang diselia. Apabila keadaan ini berterusan, tahap keyakinan kaunselor semakin tinggi dan peranan penyelia mengambil alih gaya mentor sokongan.

Gaya mentor sokongan ditunjukkan dengan ciri penyelia memberikan arahan yang rendah dan sokongan yang tinggi kepada kaunselor yang diselia. Dalam gaya ini kaunselor barangkali menjadikan penyeliaan sebagai tempat meluahkan perasaan tentang aktiviti kaunseling yang diamalkan. Penyelia mungkin memaparkan pelan intervensi dan perspektif proses kaunseling kepada yang diselia. Penyelia memainkan peranan sebagai pihak yang mengesahkan model konseptual kes yang disediakan oleh kaunselor. Kesannya tahap kemahiran kaunselor semakin bertambah dari semasa ke semasa dan pada masa ini peranan penyelia bertukar gayanya kepada menjadi seorang rakan kerjasama.

Gaya rakan kerjasama pula dicirikan dengan arahan dan sokongan yang diberikan kepada kaunselor pada tahap rendah. Dalam menjalankan peranan ini para penyelia praktikum memain peranan dengan mengesahkan status dan pencapaian kemajuan kaunselor pelatih dalam aspek perkembangan personal dan profesional.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga model utama yang menjadi panduan dalam menyelia latihan praktikum kaunseling. Model-model tersebut ialah (1) model perkembangan, (2) model psikoterapi dan (3) model peranan sosial. Model-model ini dihasilkan dalam konteks perkhidmatan kaunseling yang

ditawarkan di negara-negara barat dan telah mempengaruhi penyeliaan kaunseling di Malaysia. Mengikut Othman (2008) model penyeliaan peranan sosial telah banyak mempengaruhi penyeliaan kaunseling di Malaysia. Kajian yang dijalankan terhadap penyeliaan praktikum GBKSR akan memperkayakan lagi ilmu mengenai penyeliaan dalam bidang kaunseling, khususnya dalam *setting* perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah rendah di Malaysia.

#### 2.4 Penyeliaan Berkesan

Bernard dan Goodyear (2004:6) telah mendefinisikan penyeliaan sebagai:

*A means of transmitting the skills, knowledge and attitudes of a particular profession to the next generation of that profession. This relationship is evaluative, extends over time and has the simultaneous purpose of enhancing the professional functioning of the junior member(s), monitoring the quality of services offered and serving as a gatekeeper for those who are to enter the particular profession.*

Bradley dan Ladany (2001: 4) pula telah membahagikan terminologi penyeliaan kepada dua perkataan iaitu "super" dan "vision". Beliau menegaskan

*Supervision is a process in which an experienced person (supervisor) with appropriate training and experience mentors and teachers a subordinate (supervisee). It is a process of professional and personal development in which the supervisor challenges, stimulates and encourages a counselor to reach higher level of competence .*

Dunn (1998), menjelaskan bahawa kepentingan penyeliaan dalam pembangunan seorang kaunselor yang berkesan boleh dilihat pada peranannya menyediakan kaedah untuk menyampaikan maklumat kepada suatu generasi profesional. Menjelaskan tentang kepentingan penyeliaan, Dunn (1998) menambah bahawa satu sistem perlu dibina untuk

membantu perkembangan profesional seterusnya membantu memberi dan menerima maklum balas dan peluang untuk dinilai. Matlamat ini boleh dicapai melalui penyeliaan klinikal kaunselor sekolah. Henderson (1994), Roberts dan Borders (1994) dan Studer (2006), melaporkan bahawa terdapat tiga jenis penyeliaan yang diperlukan oleh kaunselor sekolah dalam latihan, iaitu (1) pentadbiran, (2) program dan (3) klinikal. Walau bagaimanapun kajian lanjut dalam literatur menunjukkan terdapat elemen-elemen lain dalam menentukan penyeliaan yang efektif.

Borders dan Leddick (1987), telah mengendalikan satu tinjauan untuk melihat kursus penyeliaan kaunseling untuk menyediakan garis panduan kepada pendidik kaunselor dalam mereka bentuk panduan penyeliaan untuk program mereka. Mereka telah mencungkil maklumat daripada 450 orang kaunselor pelatih dalam bidang pendidikan. Secara khusus mereka ditanya tentang silibus bertulis daripada setiap program kaunseling. Setiap silibus telah dibaca, kandungannya telah dibahagi dalam beberapa kategori dan kekerapan telah dikira. Hasil tinjauan ini telah berjaya mengenal pasti kunci kompetensi penyeliaan untuk penyeliaan yang berkesan. Kompetensi yang dikenal pasti adalah (1) pengetahuan konseptual tentang proses penyeliaan, (2) pelaksanaan kepelbagaian kemahiran intervensi, (3) kekuatan kemahiran fasilitator dan komunikasi dan (4) trait personaliti yang positif.

## 2.5 Kajian Mengenai Penyeliaan Kaunseling Sekolah

Sorotan kajian memberi fokus kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penyeliaan kaunseling dalam konteks organisasi sekolah. Kajian-kajian yang dipaparkan melibatkan kajian yang dibuat di dalam dan luar negara. Bradley dan Ladany (2001), secara umumnya,

mendefinisikan penyeliaan sebagai suatu proses memberi latihan dan bimbingan kepada pihak lain. Manakala dalam konteks penyeliaan kaunseling beliau memberi makna penyeliaan sebagai satu proses perkembangan personal dan profesional di mana para penyelia akan mencabar, menggalak dan menyuntik semangat untuk menggalakkan kaunselor mencapai tahap kecekapan yang maksimum.

Majlis Akreditasi Program Kaunseling (CACREP) pula mendefinisikan penyeliaan sebagai suatu bentuk arahan dalam mana penyelia mengawal pengalaman beraktiviti dan pembelajaran kemahiran yang berlaku semasa latihan praktikum dan *internship* (CACREP Standards, 2001). Dalam memastikan seseorang kaunselor pelatih mendapat penyelia yang berpengalaman dan berkesan, disyaratkan seseorang penyelia itu mempunyai pengalaman sebagai kaunselor profesional selama paling kurang dua tahun sebelum dibenarkan menjalankan tugas-tugas penyeliaan (CACREP, 2001).

Mengikut Othman (2008), bidang penyeliaan kaunseling adalah satu domain tumpuan akademik yang masih baru dan tidak banyak kajian empirikal dilaksanakan khususnya yang melibatkan interaksi penyelia dengan kaunselor pelatih secara langsung. Walau bagaimanapun kajian tentang perkara ini agak banyak di negara-negara barat namun amat kurang di Malaysia. Tinjauan literatur sama ada dalam atau luar negara mendapati kajian-kajian tentang penyeliaan kaunseling boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu (1) penyeliaan kaunselor dalam perkhidmatan dan (2) kaunselor dalam latihan. Bahagian berikut memperincikan dapatan kajian penyeliaan kaunselor sekolah dalam perkhidmatan dan dalam latihan.

### 2.5.1 Kajian penyeliaan kaunselor sekolah dalam perkhidmatan

Crutchfield dan Borders (1997) telah menjalankan satu kajian bagi menentukan kesan dua model penyeliaan klinikal ke atas persembahan kerja kaunselor sekolah. Kajian ini dijalankan di daerah Carolina Utara dengan sampel seramai 29 orang pengamal kaunseling sekolah di luar bandar. Responden telah dibahagikan kepada tiga kumpulan; kumpulan pertama seramai lapan orang diberi penyeliaan secara berpasangan, kumpulan kedua (10 orang) diberi rawatan penyeliaan secara rakan sebaya dan kumpulan ketiga (11 orang) diberi penyeliaan secara tidak berstruktur. Variabel bersandar ialah kepuasan kerja, efikasi kendiri kaunselor dan keberkesanan perkhidmatan kaunseling. Manakala variabel bebas ialah dua model penyeliaan. Beliau telah menggunakan instrumen *Job Satisfaction Blank (JSB)* untuk mengukur tahap kepuasan kerja kaunselor, *Counselor Self-Estimate Inventory (COSE)* untuk mengukur efikasi kaunselor dan *Responding Emphy Scale (RES)* untuk mengkaji tahap keberkesanan kaunseling. Hasil kajian menunjukkan kaunselor terutamanya yang berada pada tahap awal latihan amat rendah tahap keyakinan dalam keupayaan kaunselingnya bahkan menunjukkan kebimbangan yang tinggi. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Benshoff (1996) yang mendapati kaunselor dalam latihan merasakan mereka kurang cekap dan tidak dapat tidur malam serta tidak dapat memberi perhatian dan fokus semasa menjalankan sesi latihan kaunseling.

Seterusnya Katrina (2008) telah membuat kajian tentang pengalaman kaunselor sekolah dalam tiga aspek iaitu (1) penyeliaan klinikal, (2) penyeliaan pengurusan program secara profesional dan (3) penyeliaan pentadbiran. Beliau menggunakan *Dunn Supervision Scale for School Counselors and Supervisors (SSCS)* untuk memungut data. Hasil kajian

mendapati penyeliaan terhadap perkembangan dan pengurusan program secara profesional adalah signifikan bagi kaunselor sekolah rendah berbanding dengan kaunselor sekolah menengah. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat tiga tema yang muncul berkaitan dengan pengalaman menerima penyeliaan bagi kaunselor sekolah. Tema-tema tersebut ialah: (1) perhubungan antara kaunselor dengan pelajar, (2) perkembangan identiti profesional dan (3) peranan profesional kaunselor sekolah.

Duncan (2003) pula telah mengkaji sekumpulan kaunselor bertauliah dalam kalangan kaunselor sekolah di Dakota Selatan. Sampelnya seramai 259 responden yang terdiri daripada 180 lelaki dan 79 perempuan; semua adalah kaunselor sekolah kerajaan dan swasta yang bertugas antara tahun 2002-2003. Dalam kajiannya, Duncan telah menggunakan *The 2003 South Dakota School Counselor Survey (SDSCS)* yang telah diubah suai selaras dengan tujuan kajian. Kajian tersebut mempunyai tiga tujuan, iaitu (1) untuk mengkaji persepsi kaunselor sekolah terhadap kepentingan penyeliaan klinikal, (2) mengkaji bentuk penyeliaan yang sedia ada seperti dalam bentuk individu, kumpulan dan rakan sebaya, dan (3) mengkaji keperluan penyeliaan pada masa-masa hadapan.

Dapatan kajian Duncan (2003) menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara kepentingan penyeliaan dengan tahap pencapaian gred yang diperoleh. Demikian juga tidak ada hubungan yang signifikan dengan tempoh perkhidmatan sebagai kaunselor. Menjawab tujuan kajian mengenai penyeliaan yang diterima dalam bentuk individu, beliau mendapati 91% responden tidak menerima penyeliaan individu. Hanya 22 orang sahaja menerima penyeliaan individu.

Manakala Asheim (2007) telah membuat kajian bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan penyeliaan individu di organisasi. Beliau telah menggunakan instrumen soal selidik iaitu *Soal Selidik Penyeliaan Agensi* (ASQ) yang telah dicipta sendiri. Seramai 321 responden terlibat dalam kajian ini. Mereka adalah ahli Persatuan Kesejahteraan Mental Amerika (AMHCA) yang bekerja di agensi atau mana-mana pusat kesejahteraan mental komuniti. Responden terdiri daripada 71.7% perempuan dan 27.4% lelaki manakala 3% adalah *transgender*. Tujuan kajian adalah (1) untuk mengenal pasti tanggungjawab penyeliaan pentadiran dan klinikal dalam agensi dan (2) mengenal pasti peruntukan masa bagi penyeliaan pentadbiran dan klinikal semasa penyeliaan individu. Dapatan kajiannya menunjukkan 33.3% daripada responden menerima empat jam penyeliaan setiap bulan, diikuti 1.8% yang hanya menerima penyeliaan satu jam bagi setiap bulan manakala satu responden melaporkan bahawa dia hanya menerima 12 jam penyeliaan bagi setiap bulan. Dari segi aspek atau bidang penyeliaan klinikal pula, 18 aspek yang ditanya oleh Asheim (2007) dan didapati aspek yang paling banyak diberi tumpuan dalam penyeliaan ialah perancangan rawatan klien (74.1%) diikuti penyelesaian masalah klien (64.8%). Dari segi aspek-aspek pentadbiran pula dapatan menunjukkan aspek yang diberi perhatian ialah penilaian persembahan kerja kaunselor (59.8%), pengurusan kes (55.1%) dan bebanan kerja (56.7%).

Kajian yang hampir serupa dijalankan oleh Sutton dan Page (1994). Mereka telah mengendalikan satu kajian untuk menentukan penyeliaan klinikal di daerah Maine. Tujuan kajian ini adalah untuk: (1) meninjau tahap penyeliaan klinikal semasa yang diamalkan kepada kaunselor sekolah; (2) menentukan tahap keperluan penyeliaan; (3) menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan penyeliaan, dan (4) untuk melihat tahap

kecenderungan kaunselor ke arah mencapai matlamat penyeliaan. Daripada sejumlah 533 soal selidik yang diedarkan kepada kaunselor-kaunselor sekolah-sekolah kerajaan, sebanyak 493 atau 92% telah dikembalikan.

Dapatan kajian Sutton dan Page (1994) menunjukkan hanya 20% kaunselor menerima penyeliaan klinikal. Daripada jumlah itu sebanyak 40% terlibat dalam penyeliaan rakan sebaya sebagai satu bentuk penyeliaan klinikal. Daripada keseluruhan responden, 48% menyatakan bahawa mereka memerlukan lebih banyak penyeliaan kinikal manakala 37% menyatakan mereka tidak memerlukannya. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyeliaan klinikal diperlukan oleh kaunselor sekolah.

Soon Yin (1999) telah menjalankan satu kajian berkenaan perhubungan antara persepsi kaunselor sepenuh masa tentang keperluan penyeliaan dengan prestasi kerja dan penglibatan kerja. Seramai 268 kaunselor sekolah terlibat sebagai sampel kajian yang menggunakan reka bentuk korelasi. Beliau menggunakan soal selidik yang dibina sendiri untuk mengukur persepsi kaunselor tentang keperluan penyeliaan manakala prestasi kerja diukur menggunakan "*Counselor Rating Form-Short (CRF)*" dan untuk mengukur penglibatan kerja menggunakan soal selidik "*Job Involvement Scale (JIS)*". Analisis keperihalan keseluruhan responden menunjukkan tahap keperluan penyeliaan dan prestasi kerja yang tinggi tetapi pada masa sama tahap penglibatan kerja yang sederhana.

Faizah dan Soon Yin (2006) pula telah menjalankan kajian untuk melihat perkembangan dan pola keperluan penyeliaan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa (GBKSM) di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Seramai 226 responden dipilih secara rawak dalam

kajian tersebut. Hasil kajian mendapati GBKSM di Malaysia berada pada tahap yakin, bergantung, mahir dan konflik. Dapatan kajian juga menunjukkan fokus penyeliaan yang diperlukan oleh GBKSM di sekolah menengah di Malaysia adalah pada tahap tingkah laku profesional yang disusuli dengan kemahiran proses. Dapatan kajian ini juga mendapati bidang psikososial dan kesejahteraan mental, keibubapaan dan pendidikan pencegahan dadah serta HIV/AIDS merupakan keutamaan yang diperlukan dalam penyeliaan. Kajian yang dijalankan sangat berguna kerana ia memberi maklumat yang tepat dalam usaha melahirkan kaunselor sekolah yang efektif.

Rumusannya terdapat beberapa kajian yang dijalankan sama ada di dalam atau luar negara berkaitan dengan penyeliaan kaunselor sekolah dalam perkhidmatan. Fokus kajian ialah pada aspek gaya penyeliaan, penggunaan model penyeliaan, pengalaman kaunselor diselia dan aspek-aspek yang diselia dalam kalangan kaunselor dalam perkhidmatan. Walaupun terdapat kajian-kajian yang berkaitan dengan penyeliaan namun sasarannya ialah kepada kaunselor dalam agensi lain ataupun jika melibatkan sekolah, ianya dijalankan di sekolah-sekolah menengah. Selain itu ianya tidak melibatkan kaunselor di sekolah rendah sebagaimana yang difokuskan dalam kajian ini.

### 2.5.2 Kajian penyeliaan kaunselor sekolah dalam latihan

Stephens (2008) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti amalan yang dilakukan oleh penyelia tapak di lokasi kaunselor sekolah menjalani latihan di California. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dipungut dengan menemubual sepuluh pasangan penyeliaan. Penerokaan adalah berasaskan enam *area* asas dalam standard amalan

perkhidmatan kaunseling yang telah dikenal pasti oleh *California Commission on Teacher Credentialing* (CCTC), iaitu: (1) kaunseling, (2) kolaborasi, (3) kepimpinan dan sokongan, (4) pentaksiran kesejahteraan mental, (5) kecekapan pelbagai budaya dan (6) pembuatan keputusan.

Hasil kajian Stephens (2008) mendapati tiga elemen, lima domain dan 52 kategori amalan penyelia tapak yang berkesan dalam membantu kaunselor sekolah dalam latihan untuk membina kecekapan dan mencapai standard program kaunseling sekolah di bawah CCTC. Elemen-elemen tersebut ialah (1) pendidikan dan hubungan penyeliaan yang dinamik, (2) penglibatan dalam amalan kecekapan kebudayaan, dan (3) pembangunan suatu sistem perspektif kaunseling sekolah. Setiap elemen ini pula saling berhubung dengan lima domain yang menjadi amalan penyeliaan di tapak. Domain-domain tersebut ialah (1) mempercepatkan perkembangan indentiti, (2) pembiasaan suasana persekolahan, (3) perkhidmatan memenuhi keperluan pelajar, (4) mengurus program kaunseling sekolah, dan (5) menggunakan data untuk pentaksiran dan pembuatan keputusan. Kajian ini menggunakan kaunselor pelatih dan penyelia tapak sebagai sumber datanya.

Butler dan Constantine (2006) pula telah menyelidik kesan ke atas kecekapan kendiri kaunselor sekolah dalam latihan dengan menggunakan kaedah penyeliaan kumpulan rakan sebaya menggunakan Internet. Dua aspek yang diperhatikan iaitu harga kendiri dan kebolehan konseptualisasi kes. Kajian ini melibatkan 48 orang kaunselor pelatih yang mengikuti program ijazah sarjana di daerah barat Amerika Syarikat. Seramai 24 orang pelatih diletakkan di bawah kelompok yang menerima penyeliaan berkumpulan menggunakan Internet manakala 24 pelatih lagi menerima penyeliaan berkumpulan tanpa

Internet. Kesemua pelatih ditempatkan di sekolah selama 12 minggu. Kajian mendapati pelatih yang menerima proses penyeliaan menggunakan Internet mempunyai harga kendiri dan kemahiran konseptualisasi kes lebih baik berbanding dengan pelatih yang tidak terlibat dengan penyeliaan melalui Internet.

Selain dari kajian-kajian di atas, terdapat juga kajian yang dijalankan berkaitan dengan perkembangan indentiti profesional para pelatih praktikum dan *internship*. Altman, Howard dan Inman, (2006) telah mengkaji jurnal pelatih tahun pertama pelajar sarjana dengan menggunakan kaedah *grounded theory*. Tujuan kajian adalah untuk melihat perkara yang berkaitan dengan aspek pembelajaran yang signifikan dalam menyumbang kepada perkembangan profesional yang diselia. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat lima tema yang menyumbang kepada perkembangan profesional yang diselia iaitu: (1) indentiti profesional, (2) reaksi personal, (3) kecekapan, (4) penyeliaan dan (5) falsafah kaunseling. Manakala Nelson dan Jackson (2003) telah menjalankan kajian terhadap lapan pelatih praktikum yang terdiri daripada kaunselor pendidikan daripada kumpulan minoriti bertujuan untuk mengenal pasti komponen-komponen yang diperlukan untuk perkembangan indentiti profesional. Beliau menggunakan kajian kualitatif dengan pendekatan fenomenalogi bagi meneroka perkembangan profesional indentiti. Kutipan data menggunakan teknik temu bual dan interpretasi penceritaan. Kaedah *grounded theory* telah digunakan untuk menganalisis data bagi mengenal pasti tema-tema umum yang muncul. Hasil kajian mendapati tujuh tema yang diperlukan dalam membangunkan identiti profesional kaunselor dalam latihan. Tema-tema tersebut ialah: (1) pengetahuan, (2) perkembangan personal, (3) pengalaman, (4) perhubungan, (5) kesempurnaan, (6) kos dan (7) persepsi terhadap profesion kaunseling. Walaupun dapatan kajian ini signifikan tetapi

tidak ada perbandingan keperluan antara yang diselia ataupun berdasarkan tahap perkembangan dalam membentuk identiti profesional.

Seterusnya Weak (2002) telah menjalankan satu kajian kualitatif untuk meneroka perkembangan indentiti profesional dalam penyeliaan. Dalam analisis datanya, Weak telah membuat analisis transkrip temu bual yang dijalankan ke atas sembilan yang diselia menggunakan metodologi *grounded theory*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga elemen teras yang diperlukan dalam hubungan penyeliaan dalam membentuk identiti profesional iaitu kesamaan, keselamatan, dan cabaran.

Killacky dan Fernando (2005) telah menjalankan satu kajian melibatkan gaya penyeliaan, kepuasan dengan penyeliaan, dan efikasi kendiri pelajar sarjana kaunseling. Tujuan kajian adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara gaya penyeliaan dengan kepuasaan penyeliaan dalam kalangan pelajar sarjana kaunseling pendidikan dalam latihan praktikum. Seramai 82 pelajar terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program pendidikan di universiti awam dan swasta di Florida, Iowa, Louisiana, Carolina Utara, New Jersey dan Pennsylvania. Mereka adalah peserta *internship* yang menerima penyeliaan secara individu sekali seminggu. Soal selidik yang digunakan untuk mengutip data ialah *Supervisory Styles Inventory* (SSI) dan *Supervisory Satisfaction Questionnaire* (SSQ). Soal selidik SSQ ini telah diubah suai menjadi *Client Satisfaction Questionnaire* (CSQ). Analisis regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya penyeliaan dengan kepuasaan penyeliaan dalam kalangan pelatih.

Jensen. M.J (2011) telah melaksanakan kajian untuk meneroka peranan perkembangan kognitif dan kesannya kepada kualiti perkhidmatan kaunselor yang sedang menjalani latihan praktikum. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar di peringkat Master program kaunseling . Dua soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data iaitu *supervisee level Questionnaire* dan *Counselling skill level*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Self-Awareness* merupakan peramal paling kuat mempengaruhi kecekapan dalam kaunseling. Selain itu didapati juga kaunselor pelatih yang yang mempunyai tahap kognitif yang tinggi lebih berjaya dalam proses kaunseling.

Seterusnya Fitzhugh. N. B (2010) menjalankan kajian untuk melihat strategi penyelia praktikum dalam membangun keyakinan diri kaunselor yang sedang mengikuti latihan. Kajian kualitatif ini melibatkan sembilan orang pelajar yang sedang mengikuti program Master Kaunseling. Beliau menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan peserta kajian dari segi ciri-ciri penyelia yang boleh membangkitkan keyakinan diri dalam kalangan pelatih. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa kaunselor pelatih akan menjadi lebih yakin diri jika penyelia mengamalkan dua perkara iaitu; (1) mengamalkan ciri-ciri positif seperti berikut; empati, penyayang, menghormati, memahami, sabar, memberi galakkan, bertanggungjawab, berpengetahuan, tersusun dan bijak berkomunikasi, (2) penyelia memain peranan sebagai guru, jurulatih dan mentor. Dapatan juga menunjukkan bahawa kaunselor dalam latihan memerlukan respon berterusan daripada penyelia, perhatian, pengalaman secara langsung, bimbingan, latihan dan suasana pembelajaran yang lebih berstruktur dan menyediakan sumber rujukan yang berbagai-bagai.

Terdapat juga beberapa kajian yang berkaitan dengan penyeliaan kaunseling di Malaysia. Sidek dan Wan Marzuki (2007) telah menjalankan kajian deskriptif mengenai kesahan dan kebolehpercayaan inventori penilaian kaunselor terhadap penyelia (IPKtP). Mereka telah menetapkan tiga tujuan kajian iaitu: untuk menentukan (1) sama ada item-item yang terkandung IPKtP berkualiti dan sesuai dengan konteks budaya tempatan, (2) sama ada IPKtP mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam konteks budaya tempatan dan (3) kesesuaian item-item yang mengukur dimensi-dimensi tertentu dalam IPKtP untuk digunakan dalam budaya tempatan. Subjek kajian terdiri daripada 70 orang pelajar tahun akhir kursus sarjana muda Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menjalani latihan praktikum pada November 2003/2004 selama 12 minggu. Lokasi kajian ialah di sekolah-sekolah menengah di Lembah Kelang, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Hasil analisis faktor yang dijalankan didapati tiga faktor dikenal pasti untuk digunakan bagi mengukur gagasan tertentu dalam Inventori Penilaian Kaunselor terhadap Penyelia (IPKtP). Tiga gagasan tersebut ialah (1) skala pengetahuan dan kemahiran, (2) skala pembangunan profesional, dan (3) skala persekitaran penyeliaan.

Ruhani (2006) telah menjalankan kajian untuk meneroka pengalaman kaunselor pelatih semasa menjalani praktikum kaunseling di sekolah. Seramai sepuluh orang kaunselor pelatih terlibat sebagai responden. Untuk mengutip data beliau telah menggunakan teknik temu bual, pemerhatian di lokasi praktikum dan analisis dokumen. Setiap responden telah ditemu bual sebanyak tiga kali iaitu pada awal, pertengahan dan akhir tempoh praktikum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor pelatih menghadapi pelbagai cabaran dan kejayaan semasa menjalankan tugas di sekolah.

## 2.6 Rumusan

Berdasarkan bukti-bukti daripada perbincangan literatur dan kajian-kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa proses penyeliaan kepada seseorang kaunselor dalam latihan merupakan komponen penting. Ini kerana melalui penyeliaan mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang membantu memperkasakan perkembangan personal dan profesional mereka sebagai kaunselor. Kepada penyelia pula, model-model penyeliaan yang ditemui dalam tinjauan literatur boleh dijadikan panduan semasa menyelia latihan praktikum. Walaupun terdapat beberapa model yang boleh menjadi panduan penyelia praktikum, namun model-model yang ditemui merupakan model yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik barat yang sesuai digunakan dalam konteks perkhidmatan kaunseling di barat. Selain itu model-model tersebut juga tidak merujuk khusus kepada latihan praktikum di sekolah rendah. Ini menjadikan model-model tersebut kurang mencerminkan penyeliaan dalam konteks praktikum di sekolah rendah di Malaysia. Oleh itu kajian ini yang memberi fokus kepada proses dan amalan penyeliaan GBKSR menambah khazanah ilmu penyeliaan praktikum dalam konteks Malaysia.

Walaupun tiada kajian yang melihat proses dan amalan penyeliaan praktikum kaunseling di sekolah rendah, namun kajian-kajian lepas yang dibentangkan dalam bab ini dapat dijadikan asas bernilai dalam meneroka proses dan memahami amalan penyelia semasa menyelia praktikum GBKSR. Bab 3 seterusnya akan membicarakan tentang metodologi dan prosedur kajian. Ianya bermula dengan tahap pentadbiran instrumen, pengumpulan dan analisis pemerosesan data.